

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

**HKB 314 - Karva-Karva Terpilih Dari Kesusasteraan Amerika Latin**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT [4]** soalan. **DUA [2]** soalan dari Bahagian A dan **DUA [2]** lagi dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

1. **SAMA ADA**

- (a) History and Literature - truth and falsehood, reality and fiction - mingle in these texts in a way that is often inextricable. The thin demarcation line that separates one from the other frequently fades away, so that both worlds can entwine in a completeness which the more ambiguous it is, the more seductive it becomes, because the likely and the unlikely in it seem to be part of the same substance.

(Mario Vargas Llosa)

Merujuk kepada satu teknik penulisan yang popular di kalangan pengarang Amerika Latin jelaskan maksud petikan di atas. Seterusnya dengan contoh-contoh yang tepat huraikan penggunaan teknik penulisan itu seperti yang diperlihatkan dalam novel One Hundred Years of Solitude (Sumpah Tujuh Keturunan)

**ATAU**

- (b) Bandingkan perwatakan Ursula Iguaran dengan watak-watak lelaki dalam One Hundred Years of Solitude (Sumpah Tujuh Keturunan). Sejauhmanakah perwatakan Ursula terlepas daripada belenggu watak wanita stereotaip?
2. Sungguhpun watak General dalam novel The Autumn of The Patriarch ialah pemimpin agung yang kejam terhadap penentangnya dan menjalankan pemerintahan secara autokratik namun beliau masih mendapat sokongan popular rakyat. Bincangkan.

3. Kegagalan mencari identiti adalah persoalan penting dalam cerpen “Up Among The Eagles.” Merujuk kepada persoalan penting ini bincangkan sebab-sebab kegagalan itu. Seterusnya jelaskan gaya bahasa yang digunakan untuk menyatakan sebab-sebab kegagalan itu.

### **BAHAGIAN B**

4. Di antara ciri-ciri utama cerpen Amerika Latin Generasi Boom adalah, teknik realisme-magis, latar yang pelbagai dimensi, dan cerita yang berlandaskan lebih manusiawi (*more human*). Jelaskan ciri-ciri ini dan kemukakan secara kritis sebuah cerpen untuk setiap ciri yang tersebut.
5. Berdasarkan kepada wacana feminis, analisiskan watak Laura Farina dari aspek kuasa dan keperkasaan (*power and empowerment*) dalam cerpen “Death Constant Beyond Love.”
6. Keganasan merupakan tema utama cerpen “One of These Days” oleh Gabriel Marquez, dan juga dalam cerpen Arturo Arias, “Woman In The Middle.” Dengan merujuk kepada karya-karya tersebut:
  - (a) bandingkan teknik pengolahan tema ini oleh pengarang masing-masing
  - (b) perlihatkan sejauhmanakah kedua-dua karya ini merupakan mikrokosmos masyarakat Amerika Latin.
7. Dalam novel Memories of Underdevelopment oleh Edmundo Desnoes, terdapat elemen-elemen khusus dalam identiti diri protagonis yang memperlihatkan ciri-ciri identiti negara dan bangsa Cuba. Huraikan pernyataan ini, dan bincangkan secara kritis sejauhmanakah novel ini menepati kriteria karya sastera yang bermutu tinggi.